

Headline	FGV salur dana RM7.5 juta		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 May 2015	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	27	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	333 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,269
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,807



FGV salur dana RM7.5 juta

Sebanyak RM5 juta akan diagihkan kepada FRIM untuk pemuliharaan bunga pakma dan RM2.5 juta kepada Perhilitan bagi pemeliharaan beruang matakahari.

DALAM usaha mengekalkan kelestarian biodiversiti flora dan fauna negara, Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) menyalurkan dana berjumlah RM7.5 juta kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bagi tujuan pemuliharaan bunga pakma dan beruang matakahari.

Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Datuk Mohd. Emir Mavani Abdullah berkata, sebanyak RM5 juta akan diagihkan kepada FRIM bagi pemuliharaan bunga pakma dan RM2.5 juta kepada Perhilitan untuk pemeliharaan beruang matakahari.

“Ini adalah sebahagian daripada komitmen FGV ke atas alam semula jadi bagi pemuliharaan hidupan yang mendiami kawasan hutan simpan berhampiran ladang kami.

“Dana ini akan diberikan kepada FRIM dan Perhilitan secara berperingkat-peringkat selama lima tahun,” katanya pada sidang akhbar

sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama antara FGV, FRIM dan Perhilitan bagi Pusat Penyelidikan dan Intepretasi Rafflesia serta Pusat Pemuliharaan Beruang

Matakahari Felda di Menara Felda, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod dan Timbalan Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Mislihah Mohamad Basir.

Sementara itu, Abd. Latif berkata, kerjasama antara FRIM dan FGV

merupakan projek pertama syarikat korporat dengan agensi kerajaan berkaitan penyelidikan dan usaha memelihara populasi bunga pakma di negara ini.

“Usaha yang dilakukan oleh pihak FGV ini adalah sesuatu yang sangat baik bagi memastikan kelestarian

biodiversiti negara terus terpelihara.

“Dana yang diberikan oleh FGV tersebut akan digunakan kepada tiga peringkat iaitu kajian, pembangunan fizikal dan bukan fizikal ke atas bunga

pakma yang terdapat di Felda Bersia, Gerik, Perak,” katanya.

Menurutnya, Projek Pusat Penyelidikan dan Intepretasi Rafflesia di Felda Bersia boleh memberi impak baik kepada negara kerana berpotensi menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi ekopelancongan bagi bunga pakma.

Dalam pada itu, Mislihah berkata, pihaknya akan menggunakan dana itu untuk tujuan penyelidikan dan pemuliharaan beruang matakahari di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (PMHLK) Sungkai, Perak.

Kata beliau, pihaknya sedang mengkaji tentang aspek pemakanan dan habitat haiwan itu bagi dijadikan prosedur operasi standard (SOP) untuk mengembalikan semula beruang matakahari yang telah dirawat kepada alam semula jadi.

“Buat masa ini terdapat sebanyak tujuh anak beruang matakahari terbiar ditempatkan dan dipelihara di pusat tersebut,” katanya.



MOHD. EMIR MAVANI (tiga dari kanan) berbual dengan Abd. Latif (dua dari kiri) pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama di Menara Felda, Kuala Lumpur baru-baru ini.